

Sinar Harian 3/9/2018 m/s 18

## Komited hapus lesen bot laut dalam warga asing

**KUALA TERENGGANU** - Kerajaan komited menghapuskan semua lesen bot laut dalam yang telah diberi kepada nelayan warga asing sebelum ini bagi mengatasi isu-isu berbangkit mengenai keluhan nelayan tempatan ekoran wujudnya nelayan asing itu secara berleluasa di perairan negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, sebanyak 828 lesen bot laut dalam dikeluarkan sebelum ini kerana ketika itu negara mengalami masalah kekurangan bekalan sumber perikanan dalam negara.

Bagaimanapun, setelah keperluan dalam negara kembali pulih dan nelayan tempatan mampu menampung permintaan itu, kerajaan secara perlahan-lahan membatalkan lesen yang diberikan kepada warga asing sebelum ini.

"Sejak 2008 hingga 2016 sebanyak 828 lesen bot laut dalam dikeluarkan termasuk kepada 176 nelayan Vietnam, 167 nelayan Thailand dan selebihnya kepada nelayan tempatan.

"Dari pada jumlah itu, sebanyak 343 lesen bot nelayan asing telah diberikan tetapi sehingga kini sebanyak 303 lesen telah dibatalkan secara berperingkat dan dalam tempoh tiga tahun dari sekarang baki 40 lesen lagi bakal dihapuskan juga.

Beliau berkata demikian pada satu sidang media sempena Majlis Ramah Mesra Datuk Salahuddin



Salahuddin (tengah) ketika menjawab soalan pihak media.

Ayub bersama Pemimpin Nelayan Terengganu di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Chendering, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Badrul Hisham Mohd, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Munir Mohd Nawi dan ketua-ketua jabatan terlibat.

Salahuddin yakin, selepas menyelesaikan isu-isu yang berkaitan nelayan asing yang terikat dengan hutang bank dan sebagainya, lesen berkenaan tidak akan dikeluarkan kepada golongan itu

sebaliknya akan diberi kepada nelayan tempatan.

Ia sekaligus mengatasi serba sedikit aduan nelayan yang sering mengaitkan nelayan warga asing termasuk isu pencerobohan, penyelewengan dan sebagainya.

Sementara itu, dalam masa sama, Salahuddin turut memberitahu, pihaknya sedang melaksanakan pemutihan kepada 55,000 nelayan yang menerima elaun sara hidup di seluruh negara bagi memastikan penerima terdiri daripada nelayan tulen.

"Saya harap perjuangan kita untuk memperjuangkan nelayan ini bukan sahaja kekuatan daripada kementerian tetapi pegawai bertugas, persatuan nelayan dan nelayan itu sendiri," katanya.